



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN JUN 2023

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi bulan Jun 2023. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada sebelas sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI di mana **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, iaitu indeks utama BSI, kekal pada 50.0 bagi bulan Jun 2023. Ini menunjukkan bahawa secara amnya, sentimen para perniagaan adalah lebih kurang sama seperti bulan sebelumnya. Akan tetapi, pandangan adalah berlainan mengikut sektor. Hasil kaji selidik menunjukkan sebahagian para perniagaan merasa optimistik atas jangkaan prestasi yang lebih baik dengan projek-projek baru dan peningkatan jualan kerana inventori yang mencukupi dan promosi produk dan perkhidmatan yang baru. Di sebaliknya, sebahagian perniagaan mempunyai sentimen pesimistik dengan jualan yang lebih rendah selepas musim perayaan dan perbelanjaan rentas sempadan yang menjejaskan jualan domestik. Memandang ke hadapan, sentimen bagi bulan Julai 2023 adalah lebih optimistik berbanding dengan bulan Jun 2023 dengan indeks bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan di tahap 50.6. Para perniagaan menjangka peningkatan dalam penjualan dan aktiviti perayaan dan promosi sepanjang bulan Julai 2023 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Sultan. Selain itu, mereka juga menjangka projek-projek baru, pembukaan cawangan baru dan pengembangan para pelanggan.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.1 bagi bulan Jun 2023, 50.1 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.2 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara amnya, para peniaga menjangka akan meningkatkan tahap perbelanjaan pelaburan pada bulan Jun 2023 dan beberapa bulan selepasnya. Beberapa faktor menyumbang kepada peningkatan ini seperti jangkakan pengubahsuaian fasiliti dan perkembangan perniagaan, pembelian peralatan dan mesin baru, penaiktarafan sistem teknologi maklumat dan peningkatan kapasiti sumber manusia.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.3 bagi bulan Jun 2023, dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Seperti tren sebelumnya, perniagaan menjangka akan meningkatkan jumlah pekerja pada bulan Jun dan Julai 2023 atas usaha perkembangan perniagaan. Beberapa perniagaan mengongsikan cabaran-cabaran berterusan dalam pengupahan pekerja-pekerja tempatan dan asing.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 50.3 bagi bulan Jun 2023, dan 49.6 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, kos menjalankan perniagaan pada bulan Jun 2023 dijangka lebih tinggi dari bulan sebelumnya atas beberapa sebab termasuk peningkatan kos pengambilan pekerja dan bahan mentah, dan menjalankan kerja penyelenggaraan. Sebahagian perniagaan menjangka peningkatan kos perniagaan pada bulan Jun 2023 dengan pengemaskinian kadar duti import kastam dan eksais ke atas barangan plastik yang berkuatkuasa mulai 17 Mei 2023. Bagi bulan Julai 2023, sub-indeks kos perniagaan adalah lebih rendah secara keseluruhan kerana beberapa perniagaan bersaiz besar yang menjangkakan kos operasi dan penyelenggaraan dan barang mentah yang lebih rendah.

BSI Jun 2023	
Keadaan Perniagaan	50.0
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.6
Pelaburan	50.1
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.2
Pengambilan Pekerja	50.3
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.3
Kos Satu Bulan ke Hadapan	49.6

8. Dari segi **sektor ekonomi**, tiga daripada sebelas sektor mencatat sentimen optimistik bagi bulan Jun 2023. Sektor Kewangan dan Insurans menunjukkan sentimen optimistik yang tertinggi pada tahap 50.8 dengan keadaan yang lebih baik disebabkan lebih banyak pinjaman dan jualan produk insurans. Indeks bagi sektor Kesihatan dan Pendidikan adalah pada tahap 50.2 disebabkan perkhidmatan baharu yang ditawarkan. Indeks bagi sektor Hotel dan Restoran adalah pada tahap 50.2, dengan jangkakan peningkatan aktiviti perniagaan disebabkan beberapa acara yang dianjurkan pada bulan Jun 2023. Di sebaliknya, empat sektor mempunyai sentimen sedikit pesimistik iaitu sektor Pembinaan; sektor Pembuatan; sektor Minyak dan Gas dan yang Berkaitan; dan sektor Pengangkutan dan Komunikasi. Manakala, Sektor Perdagangan Borong dan Runcit adalah paling terjejas dengan indeks yang terendah pada tahap 49.6 dengan pengurangan perbelanjaan pengguna dalam negeri. Sektor Perkhidmatan Lain; sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Ternakan; dan sektor Harta Tanah dan Pemilikan Kediaman pula menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada bulan Jun 2023 berbanding dengan bulan sebelum ini.

Keadaan Perniagaan Jun 2023 Mengikut Sektor	
Kewangan & Insurans	50.8
Kesihatan & Pendidikan	50.2
Hotel & Restoran	50.2
Perkhidmatan Lain	50.0
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Pembinaan	49.9
Pembuatan	49.9
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	49.9
Pengangkutan & Komunikasi	49.8
Perdagangan Borong & Runcit	49.6

9. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, perniagaan bersaiz mikro dan besar menjangka keadaan yang lebih baik bagi bulan Jun 2023 berbanding dengan bulan sebelumnya disebabkan peningkatan aktiviti perniagaan dan permintaan bagi produk dan perkhidmatan mereka. Di samping itu, perniagaan bersaiz kecil dan sederhana melaporkan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan bulan Mei 2023 bagi bulan Jun 2023.

Keadaan Perniagaan Jun 2023 Mengikut Saiz	
Mikro	50.1
Kecil	50.0
Sederhana	50.0
Besar	50.1

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 15 Muharram 1445H / 02 Ogos 2023M

Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1


Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.

Kos



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.